

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



PENJENAMAAN SEMULA PEKERJAAN MAMPU ATASI KEBERGANTUNGAN PEKERJA ASING

Menurut Kotler, penjenamaan adalah pemberian nama, istilah, tanda, simbol, reka bentuk, atau kombinasi dari semuanya. Secara asasnya, ianya dibuat dengan tujuan untuk membezakan sesuatu barang atau perkhidmatan yang ditawarkan dari pelbagai organisasi. Strategi penjenamaan adalah satu elemen yang sangat penting dalam perniagaan dan ianya perlulah dirancang dengan bijak dan teliti kerana ia melibatkan tawaran nilai yang anda sediakan untuk bakal pembeli.



Dalam sesebuah perniagaan, penjenamaan semula adalah salah satu strategi aktif sesebuah perniagaan untuk terus meningkat maju dan ke hadapan, dan ianya termasuklah penjenamaan semula pekerjaan. Penjenamaan semula pekerjaan boleh didefinisikan sebagai proses memberi nama baharu atau “rebanding” dimana ianya adalah satu proses mengubah imej korporat sesebuah organisasi. Ianya juga adalah strategi pasaran untuk memberi nama, simbol atau perubahan dalam reka bentuk baharu untuk jenama yang telah sedia ada.

Secara dasarnya, usaha penjenamaan semula pekerjaan ini perlulah merangkumi pelbagai industry, namun secara khususnya sudah pastilah yang dipelopori dan didominasi oleh warga asing. Ini adalah kerana, *bias* dikalangan masyarakat sekeliling yang *stereotype* dengan sesetengah jawatan yang dianggap tidak *glamour*. Misalannya, jawatan penjaga keselamatan, yang didominasi oleh warga Nepal. Ternyata kebanyakan rakyat tempatan agak skeptikal untuk memegang jawatan sebagai penjaga keselamatan ekoran jenama kerja yang kurang popular, ditambah pula dengan manfaat yang tidak begitu menarik. Namun, apabila diperkenalkan jenama baharu jawatan ini kepada *Polis Bantuan* dan diberikan kelebihan dan manfaat lain, ternyata ianya memberikan kesan positif atas penerimaan di kalangan masyarakat sekeliling. Tambahan pula, jawatan

*Sharfizie Mohd Sharip,
Farrah Othman &
Nor ‘Azurah Md
Kamdari*

*Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

Polis Bantuan ini turut ditawarkan di kebanyakan tempat meliputi agensi kerajaan dan bukan Kerajaan. Di samping itu, penyediaan latihan daripada aspek kecekapan yang ditawarkan menampakkan hasil apabila jawatan ini dilihat sebagai salah satu jawatan yang boleh diterima masyarakat.

Dalam sidang akhbar bersama Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan berpendapat bahawa ramai rakyat tempatan yang hilang punca pendapatan ekoran



daripada pandemik Covid-19. Namun jawatan-jawatan sedia ada yang memerlukan banyak keperluan dan kekosongan masih tidak dipenuhi oleh warga tempatan ekoran keengganan mereka bekerja di beberapa sektor yang dianggap tidak popular. Apatah lagi mereka turut menyifatkan sesetengah jawatan itu mempunyai darjat yang rendah dalam masyarakat. Akibatnya kekosongan jawatan yang tidak popular ini dipenuhi warga asing, dan kesannya rakyat tempatan terus menganggur dan tiada

pekerjaan. Ianya dianggap seperti peribahasa yang berbunyi “*kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan*”.

Justeru itu, penjenamaan pekerjaan ini dilihat antara usaha dan alternatif yang terbaik dalam memastikan ianya mampu memberi daya tarikan kepada pekerja dan warga tempatan untuk mengisi kekosongan dan dalam masa yang mengurangkan kebergantungan terhadap warga asing.